

Penglibatan belia berupaya menambahkan eksport pertanian negara dan mengurangkan import pertanian melalui peningkatan produktiviti pengeluaran dan pemasaran pertanian

Peluang luas belia terokai pertanian

PARA belia di negara ini perlu diberi peluang seluas-luasnya untuk meneroka potensi dalam bidang pertanian seiring dengan matlamat kerajaan ke arah mencapai negara berpendapatan tinggi.

Melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, pelbagai program promosi dan latihan dilaksanakan, antaranya, MoA Bersama Rakyat, Karnival Kerjaya Pendidikan, Agro-Xplorasi dan Pameran Antarabangsa Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA).

Menterinya, Datuk Seri Noh Omar, berkata, pendekatan tersebut digunakan sepenuhnya untuk mendedahkan belia kepada peluang-peluang latihan dan kerjaya yang berpotensi tinggi dalam sektor pertanian.

"Penglibatan belia berupaya menambahkan eksport pertanian negara dan mengurangkan import pertanian melalui peningkatan produktiviti pengeluaran dan pemasaran pertanian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Karnival Tani *Maha Youth 2012* di Wisma Tani, Putrajaya sempena Hari Belia Negara.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Hashim Abdullah; Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Datuk Dr Baharom Jani dan Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan), Datuk Raihan Sharif serta Exco Majlis Belia Malaysia, Nor Akmal Ibos.

Pada majlis tersebut, beliau turut menyampaikan anugerah kepada usahawan belia berjaya.

Menurut Noh, Program Latihan Berpakej yang diperkenalkan mulai tahun 2010 membolehkan belia menceburi bidang pertanian dengan pelbagai khidmat sokongan ditawarkan seperti input pertanian, tanah ladang, jentera, peralatan, insentif dan pembiayaan.

Program tersebut menasarkankan Pelatih Persijilan Kemahiran Malaysia di bawah Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) bagi Tahap 3 dan Tahap 4, pelatih jabatan seperti Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Institut Per-



NOH Omar bersama-sama para belia yang menerima anugerah pada majlis perasmian Maha Youth 2012 di Wisma Tani, Putrajaya.

tanian Malaysia (IPM) dan Institut Pertanian dan Belia Siswazah serta graduan Persijilan Kemahiran Malaysia.

Di samping itu, menerusi Kelab Siswazah Tani (*My-Agrosis*) yang dilancarkan pada 17 Disember tahun lalu di semua institusi pengajian tinggi awam dijangka menarik penglibatan seramai 20,000 peserta.

"Bidang utama dalam kelab ini ialah Agro Ladang, Agro Niaga, Agro Inovasi dan Agro Akuakultur. Antara hasil kerjasama antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Kementerian Pe-

ngajian Tinggi ini ialah mencipta Inovasi Batik Agro yang bermotifkan buah-buahan tempatan," katanya.

ROSYAM Nor yang menceburi bidang pertanian menerima plak sebagai Ikon Pertanian daripada Mohd. Hashim Abdullah di Wisma Tani, Putrajaya.

